



PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1982

PENGLIBATAN KAKITANGAN KERAJAAN DALAM LEMBAGA PENGARAH SYARIKAT PERDAGANGAN/PERUSAHAAN PERSendiriAN ATAU SYARIKAT PERDAGANGAN/PERUSAHAAN DI MANA KOPERASI/TABUNG/KESATUAN SEKERJA KAKITANGAN AWAM MEMPUNYAI KEPENTINGAN DARI SEGI PELABURAN MODAL DAN/ATAU EKUITI

1. Tujuan

1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menyampaikan keputusan Kerajaan mengenai peraturan penglibatan kakitangan Kerajaan dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat perdagangan/perusahaan persendirian atau syarikat-syarikat perdagangan/perusahaan di mana Koperasi/Tabung/Kesatuan Sekerja Kakitangan Awam mempunyai kepentingan dari segi pelaburan modal dan/atau ekuiti.

2. Pendahuluan

2.1 Pada masa ini, terdapat beberapa buah syarikat kepunyaan Koperasi/Tabung/Kesatuan Sekerja Kakitangan Awam yang telah ditubuhkan sama ada secara persendirian ataupun secara usahasama (joint-venture) dengan syarikat-syarikat perdagangan/perusahaan yang lain. Kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan meliputi pembinaan perumahan, pengurusan bank, perniagaan kewangan, pembekalan alat-alat dan berbagai jenis perniagaan.

3. Keanggotaan Lembaga Pengarah

3.1 Beberapa orang kakitangan Kerajaan telah dilantik menjadi pengerusi ataupun ahli lembaga pengarah kepada syarikat-syarikat perniagaan yang diwujudkan oleh Koperasi/Tabung/Kesatuan Sekerja Kakitangan Awam. Perlantikan mereka itu adalah dengan tujuan hendak menjaga kepentingan Koperasi/Tabung/Kesatuan Sekerja Kakitangan Awam yang berkenaan dari segi pelaburan modal dan/atau ekuiti.

3.2 Kerajaan memandang berat atas penglibatan kakitangan Kerajaan menjadi pengerusi dan ahli-ahli lembaga pengarah dalam syarikat-syarikat perniagaan kepunyaan Koperasi/Tabung/Kesatuan Sekerja Kakitangan Awam oleh kerana:

- (a) mereka boleh mempengaruhi pihak-pihak yang berkenaan untuk memutuskan tender-tender pembelian kepada syarikat-syarikat mereka;
- (b) mereka boleh menjejaskan imej perkhidmatan awam apabila peranan mereka adalah semata-mata untuk menjaga kepentingan syarikat dan bukan kepentingan Kerajaan;
- (c) peranan mereka kadang-kala telah meliputi ke peringkat pengurusan harian syarikat-syarikat itu;
- (d) peranan mereka semata-mata untuk memajukan perniagaan syarikat-syarikat itu dengan menjalankan perniagaan dengan agensi-agensi Kerajaan.

4. Peraturan Baru

4.1 Dengan ini Kerajaan telah memutuskan bahawa:—

- (a) kakitangan Kerajaan yang menjadi ahli Koperasi/Tabung/Kesatuan Sekerja Kakitangan Awam tidak boleh menganggotai lembaga pengarah syarikat yang ditubuhkan oleh badan-badan itu, sama ada secara persendirian ataupun usahasama (joint-venture);
- (b) kakitangan Kerajaan tidak dibenarkan dilantik atas nama persendirian (private capacity) dalam lembaga pengarah bagi mana-mana syarikat.

5. Garis Panduan

5.1 Berhubung dengan keputusan di atas, Kerajaan telah menentukan garis panduan bagi Koperasi, Tabung dan Kesatuan Sekerja Kakitangan Awam, seperti berikut:

- (a) bahawa lembaga pengarah Koperasi/Tabung/Kesatuan Sekerja Kakitangan Awam hendaklah menanam modal dalam syarikat-syarikat yang besar dan kukuh sahaja;
- (b) bahawa ahli lembaga pengarah tersebut hendaklah menumpu perhatian kepada pengawasan dan pelaksanaan dasar-dasar mengikut objektif perlembagaan masing-masing;
- (c) bahawa lembaga pengarah boleh melantik "nominee" yang bukan pegawai/kakitangan Kerajaan dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan secara bersendirian ataupun secara usahasama;
- (d) bahawa ahli-ahli lembaga pengarah boleh menerima bayaran seperti elaun dan pampasan mengikut kadar seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8/78.

6. Pemakaian

6.1 Peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Pekeliling Perkhidmatan ini adalah dikenakan kepada semua kakitangan dalam Perkhidmatan Awam, Angkatan Tentera, Pasukan Polis, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

7. Tarikh Kuatkuasa

7.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh ianya dikeluarkan.

TAN SRI OSMAN S. CASSIM,
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR

20hb Ogos, 1982.

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan.

Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

Pihak Pengurusan Badan-badan Berkanun.

Pihak Pengurusan Kuasa-kuasa Tempatan.

Suruhanjaya Pasukan Polis.

Majlis Angkatan Tentera.

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia,
Tingkat 7, 9-14 & 16 Bangunan UMBC, Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur 01-33
Telefon: 208144 Alamat Telegraf "Festoff Kuala Lumpur"

JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR

74902—20-9-82.